

SPRM dapati tiada rasuah dilakukan Najib dalam siasatan SRC, kata menteri
Malaysian Insider
March 10, 2016
Oleh Anisah Shukry

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengatakan ia tidak dapat mengesan sebarang perbuatan rasuah dilakukan Datuk Seri Najib Razak dalam siasatan SRC International, menurut Datuk Seri Azalina Othman Said.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri itu berkata dalam jawapan bertulis Parlimen hari ini, SPRM juga mengesahkan RM2.6 bilion yang diterima Najib adalah sumbangan peribadi daripada keluarga diraja Saudi.

"Mengenai kes RM2.6 bilion itu, keterangan daripada saksi dan dokumen sokongan, SPRM mengesahkan sumbangan kepada perdana menteri itu dibuat secara peribadi oleh keluarga diraja Arab.

"Mengenai kes SRC International, SPRM berkata hasil siasatan mereka tidak menunjukkan perdana menteri melakukan sebarang amalan rasuah," tulis Azalina. – 10 Mac, 2016.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianoutsider.com/bahasa/article/sprm-dapati-tiada-rasuah-dilakukan-najib-dalam-siasatan-src-kata-menteri>